



TEKS UCAPAN

YBRS. DR. SITI A'IASAH BINTI HASHIM

KETUA PENGARAH

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BIL. 1/2021

TARIKH:

29 JANUARI 2021 (JUMAAT)

SECARA MAYA MELALUI APLIKASI ZOOM

Bismillahirrahmanirahim

Terima kasih saudara pengerusi majlis, En. Shahri bin Hashim daripada Pusat Instrumentasi dan Automasi, BST.

YANG BERUSAHA DR. ABDUL MUIN BIN ABDUL RAHMAN

Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan dan Pembangunan

YANG BERUSAHA DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN

Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal

YANG BERUSAHA DR. CHANTARA THEVY RATNAM

Pengarah Kanan Program Pengurusan

YANG BERUSAHA EN. MOHD SIDEK BIN OTHMAN

Pengarah Kanan Program Pengkomersilan

Pengarah-pengarah bahagian, pengurus-pengurus,

Para penyelidik dan warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian,

Assalammualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, kerana atas izin dan limpah kurnianya pada pagi yang penuh keberkatan ini, dapat kita berkumpul bersama-sama walaupun secara maya. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Nuklear Malaysia, yang komited hadir pada pagi ini untuk perhimpunan pagi Bil 1/2021 yang dianjurkan oleh Bahagian Sokongan Teknikal (BST).

Tuan-tuan dan puan-puan warga Nuklear Malaysia (NM) yang saya kasihi sekalian.

2. Nama saya Siti Aiasah Hashim, berasal dari Negeri Sembilan dan sekarang menetap di Semenyih, Selangor. Saya rasa saya perlu

perkenalkan diri kerana sejak 7 Oct. 2020, tarikh saya dilantik sebagai Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, saya masih belum berkesempatan untuk bersuai kenal dengan semua rakan sekerja, warga Nuklear Malaysia. Bagi yang belum tahu, saya telah berkhidmat di Alurtron selama lebih 20 sehingga saya dipindahkan ke Kumpulan ADC, BST dan seterusnya bertugas hingga ketinggian 4 blok 11 ini. Pengalaman kerja saya bermula sebagai org teknikal yang mengoperasi dan menyelenggara mesin alur elektron , kemudian berurusan dengan aspek pengkomersilan dan agak lewat aktif dalam R&D semasa diADC. Namun inilah yang membentuk jati diri saya yang sentiasa sedia menyesuaikan diri dalam keadaan apa sekali pun

3. Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada semua pegawai-pegawai baru atau yang bertukar ke Agensi Nuklear Malaysia dan berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat menyesuaikan diri dengan keadaan kerja semasa yang mengikut norma baharu dan memberi sumbangan terbaik, demi kecemerlangan agensi.
4. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua pegawai yang telah dinaikkan pangkat baru-baru ini dari pelbagai peringkat dan skim perjawatan. Dengan kenaikan pangkat ini anda semua memegang satu amanah rakyat yang perlu dilaksanakan dengan penuh integriti dan kesungguhan.

5. Selain itu, ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya rakamkan kepada pegawai-pegawai yang telah bersara dan berpindah ke tempat lain. Semoga tuan-puan terus sihat dan dilindungi dari sebarang musibah dan maju jaya di tempat dan suasana kehidupan baharu tuan-puan.

PERINGATAN PENULARAN WABAK COVID-19

4. Sebagaimana yang kita maklum, sekarang ini keadaan pandemik Covid-19 semakin membimbangkan. Kes-kes positif Covid-19 di Malaysia masih belum ada petanda untuk menurun atau melandai. Ditambah pula dengan adanya kes positif di kalangan warga Nuklear Malaysia sendiri. Oleh itu, saya ingin mengingatkan semua warga Nuklear Malaysia untuk sentiasa mengamalkan kawalan sendiri serta sentiasa patuh pada SOP yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pastikan kita sentiasa peka kepada arahan daripada pihak kerajaan dari masa ke masa.
5. Pada masa yang sama, kerajaan sedang dalam usaha untuk memperolehi bekalan vaksin yang seawal hujung Februari 2021. YB menteri MOSTI merupakan pengerusi bersama dengan YB Menteri Kesihatan dalam Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin Covid-19 (JKJAV). Oleh itu, sebagai agensi di bawah MOSTI, kita seharusnya membantu pihak kementerian dalam menwar-warkan dan menyampaikan maklumat yang betul tentang vaksin kepada masyarakat sekeliling kita. Kerajaan telah menjanjikan imunisasi kepada 80% rakyat Malaysia melalui program vaksinasi ini dan

diharapkan dapat membentuk herd immunity yang sangat diperlukan untuk memastikan kehidupan kembali sejahtera.

BEKERJA DALAM NORMA BAHARU

6. Berikutan pengumuman YAB Perdana Menteri mengenai PKP, segala urusan kerja secara fizikal, ber jarak dekat perlu dielakkan. Semua pegawai diharapkan dapat meningkatkan kemahiran I.T dan yang berkaitan supaya dapat menjalankan tanggungjawab secara berkesan dan menepati masa. Saya berharap Pusat I.T dapat memberi bimbingan dalam perkara ini termasuk aspek securiti cyber. Bagi pegawai yang diberi kebenaran bekerja di rumah (BDR), tuan-tuan dan puan-puan hendaklah berada di rumah dan patuhi PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2020 (DASAR BEKERJA DARI RUMAH). Pihak pengurusan memberi kepercayaan penuh kepada semua warga Nuklear Malaysia untuk mematuhi peraturan BDR ini. BDR bukan masa untuk bersantai di rumah atau shopping dan buat business online. Setiap penyelia diwajibkan memberi tugas yang terancang kepada ahli masing-masing. Saya serahkan kepada pengarah-pengarah bahagian untuk membuat pemantauan dan melaporkan terus kepada saya.
7. Saya ingin mengingatkan pesanan KPPA dalam amanat tahunan yg menekankan aspek integriti dalam melaksanakan tugas.

INTEGRITI DALAM MELAKSANAKAN TUGAS

8. Dalam pada itu, pihak Pengurusan Nuklear Malaysia akan menilai dan memperkemaskan sistem dan prosedur kerja supaya pelaksanaannya dibuat dengan penuh integriti, amanah, cekap dan profesional.

Tuan2 & Puan2

KESIHATAN MENTAL

9. Pandemik Covid-19 ini juga telah memberi kesan terhadap kesihatan mental kita semua, secara sedar atau tidak. Individu yang sihat Mental akan mampu mengawal sebarang tekanan serta dapat bekerja secara produktif dan efisien. Kesihatan mental adalah asas kepada kesejahteraan individu dan kemampuan masyarakat berfungsi secara efektif. Terima kasih kepada Team AKRAB Nuklear Malaysia yang telah menjalankan kaji selidik tahap stress, kemurungan dan kebimbangan di kalangan warga agensi. Hasil kajian pun dah kita lihat tadi dan kita ambil maklum saranan yang diberikan. Tuan2/Puan2 AKRAB dibawah kepimpinan En. Mohd Sidek Bin Othman sedia untuk mendengar sebarang keluhan warga Nuklear Malaysia. Maka, jangan biarkan masalah membebani diri sehingga mempengaruhi kestabilan mental kita.

Tuan-tuan dan puan-puan warga Nuklear Malaysia sekalian.

TUMPUAN KEPADA “EXPERIMENTAL RESEARCH”

10. Tahun lalu MOSTI telah melancarkan inisiatif NTIS iaitu National Technology & Innovation Sandbox yang bertujuan untuk menyediakan persekitaran yang terkawal bagi membolehkan para innovator menguji produk, servis, model perniagaan dan mekanisma penyampaian dalam persekitaran sebenar dengan kelonggaran pada proses tertentu serta keperluan undang-undang. Ini akan membantu mempercepatkan proses pengkomersilan hasil-hasil penyelidikan serta inovasi dan mengurangkan kejadian berakhirnya output penyelidikan di lembah kematian (*valley of death*).
11. Tahun ini pula pada 8 Januari, YB Khairy Jamaludin telah melancarkan The Malaysia Grand Challenge dengan menawarkan pembiayaan projek melalui 5 skim dana R&D iaitu, Dana Penyelidikan Strategik (SRF), Dana Pembangunan Teknologi 1 (TeD1), Dana Pembangunan Teknologi 2 (TeD2), Dana Bridging (BGF); dan Dana Applied Innovation (AIF). Permohonan telah pun dibuka namun saya masih lagi belum melihat Pegawai Penyelidik Nuklear Malaysia membuat permohonan.
12. Pihak RMC akan mengusahakan supaya satu sesi taklimat diberi dalam masa terdekat untuk menjelaskan dengan terperinci garis panduan permohonan setiap dana.

13. Sebagai galakan Dengan ini saya ingin mengumumkan bahawa pihak Pengurusan Atasan Nuklear Malaysia telah bersetuju untuk memberi insentif khas kepada Ketua Projek yang pertama mendapat kelulusan dana ini, mengikut priority SRF, TED2 TED1 BGF dan AIF.
14. Saya berharap insentif ini walaupun kecil, dapat dijadikan pendorong untuk pegawai penyelidik memohon dana-dana ini bagi memastikan kelangsungan experimental research di Nuklear Malaysia seperti yang telah dirancang dalam Wawasan Nuklear.

Tuan-tuan dan puan-puan warga Nuklear Malaysia sekalian.

WAWASAN NUKLEAR MALAYSIA

15. Seperti yang kita semua maklum pada bulan September yang lepas, dokumen Wawasan Nuklear Malaysia telah disiap dan dilancarkan. Dokumen WNM ini menggariskan pelan strategik Agensi Nuklear Malaysia untuk mendepani tahun 2021 hinggalah ke tahun 2030. Sebagai kesinambungan, saya telah meminta pengarah-pengarah untuk fine tune perancangan projek yang telah dibincangkan disetiap bahagian untuk menjayakan inisiatif2 di bawah strategi yang dirancang berlandaskan 5 teras utama.
16. Perancangan ini akan menjadi panduan kepada semua warga bahagian tentang hala tuju Nuklear Malaysia 10 tahun akan datang. Perancangan aktiviti untuk menyokong WNM ini bersifat "*living document*" dimana ianya perlu review secara berkala mengikut tahun atau keperluan dan sekira perlu diubahsuai dan diadaptasi

menurut keadaan semasa. Ini memastikan Nuklear Malaysia sentiasa current dan relevant dengan keperluan semasa

KESINAMBUNGAN REAKTOR

17. Tuan puan juga sedia maklum bahawa pada 14 Januari lalu menandakan genap 100 hari saya berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Nuklear Malaysia. 100 hari ni telah melihat pelbagai aktiviti yang membawa kejayaan, pengiktirafan penambahbaikan dan pembaharuan dibuat bersama barisan pengurusan yang lain. Tuan-puan boleh rujuk FB KPNuklear untuk maklumat lanjut.
18. Untuk hari-hari yang mendatang pula pelbagai aktiviti dirancang. Antaranya adalah seminar2 tahunan, teknologi showcase dan sambutan hari ulangtahun kegentingan Reaktor TRIGA PUSPATI (RTP) yang ke-39. RTP adalah our pride and joy namun telah menghampiri penghujung hayatnya. Kita harus berbangga bahawa Team Reaktor Nuklear Malaysia telah membuktikan keunggulan mereka mengoperasi dan menyelenggara RTP dengan begitu baik. Namun begitu punca bahan api kita akan terus menyusut yang akan memaksa RTP untuk boleh bertahan 10 hingga 15 tahun akan datang.
19. Perancangan terhadap keperluan reaktor penyelidikan pada masa akan datang perlu dimulakan dari sekarang dan ini telah pun termaktu dalam Wawasan Nuklear Malaysia juga Dasar Teknologi Nuklear Negara. Satu kajian akan dibuat untuk membantu pihak

pengurusan membuat keputusan dari aspek penggantian reaktor penyelidikan baru, pengurusan penuaan (*ageing management*) RTP, peningkatan aktiviti applikasi RTP serta tidak lupa aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan reaktor nuklear generasi baru. Proposal kajian ini akan diangkat untuk mendapatkan pembiayaan dari pihak kerajaan.

PEMULIHAN SISTEM ICT

25. Tuan-tuan, 13 Mei merupakan satu tarikh yang menghantui rakyat Malaysia menyaksikan peristiwa hitam pada tahun 1969. Di Nuklear Malaysia, tarikh ini akan diingati sebagai tarikh serangan ransomware yang melumpuhkan khidmat ITC. Namun hasil kerja teliti dari Team IT Nuklear Malaysia, saya ingin memaklumkan bahawa pada keseluruhannya, Sistem ICT kita telahpun dapat dipulihkan ke tahap 90.5%. Pada waktu ini sistem server telah pun 91% beroperasi, manakala 90% applikasi telah pun dapat dipulihkan. Terdapat beberapa applikasi yang tidak dapat dipulihkan sepenuhnya kerana pengkalan datanya telah pun "*corrupt*" dan ini memerlukan masa yang lebih lama untuk dipulihkan. Mengambil pengajaran dari insiden ini, saya berharap warga Nuklear Malaysia akan lebih berhati-hati dalam melayari internet terutamanya perlu peka dan mempelajari tanda-tanda cubaan serangan samada melalui e-mel SPAM atau laman-laman web yang mencurigakan. Kita semua perlu bertanggungjawab untuk menjadi pengguna internet yang bijak dan berpengetahuan kerana salah satu punca utama serangan sekuriti ICT adalah dari kesilapan pengguna dalaman.

Tuan-tuan dan puan-puan warga Nuklear Malaysia sekalian.

BANTUAN KEPADA MANGSA BANJIR

Selain pandemik, rakyat Malaysia juga telah diduga dengan bencana banjir khususnya di negeri2 Pahang, Terengganu, Kelantan, Perak, Johor Sabah dan terkini Sarawak. Sehubungan itu, MOSTI telah mengambil inisiatif untuk mengumpul sumbangan bantuan untuk disampaikan kepada penduduk yang terjejas khususnya di Negeri Pahang iaitu negeri yang paling teruk terjejas. Nuklear Malaysia melalui **Kelab Sukan dan Kebajikan Agensi Nuklear Malaysia** telah melancarkan tabung sumbangan pada awal minggu ini. Pada hari Jumaat yang mulia ini, marilah kita menghulurkan derma ke tabung untuk membantu mereka yang sangat-sangat memerlukan ini. Gaji pun dah masuk.... dan bantuan akan dihantar se awal 2 Februari ini.

Untuk makluman juga, pada pertengahan Jan lalu, Nuklear Malaysia telah pun menghantar bekalan benih padi kepada pesawah2 yang terjejas teruk oleh banjir di kawasan Rompin, Pahang. Kita juga akan membekalkan oligokitosan tidak lama lagi kepada mereka untuk memastikan tanaman padi NMR 152 dapat memberikan hasil tertinggi kepada petani. Terima kasih saya ucapkan kepada Team Projek Padi BAB yang telah menguruskan sumbangan ini.

PENUTUP

28. Mengakhiri ucapan saya untuk kali ini, saya ingin menyeru supaya kita sama-sama meneruskan usaha untuk mencapai kecemerlangan, bekerja dengan penuh dedikasi sebagai satu pasukan yang mantap serta meningkatkan prestasi demi masa depan organisasi dan negara yang lebih gemilang. Saya amat yakin kita boleh menjayakan segala aktiviti untuk kesejahteraan semua.

29. Adalah menjadi aspirasi saya sebagai peneraju utama Nuklear Malaysia untuk bekerja bersama tuan-tuan dan puan-puan secara berintegriti, pantas dan profesional. Kejayaan Nuklear Malaysia akan menjadi lebih bermakna jika ia terhasil dari titik peluh yang tidak tercemar dengan unsur-unsur tidak baik seperti rasuah, *idea hijacking*, manipulasi data dan seumpamanya.

30. Kita juga perlu sentiasa tanamkan perasaan untuk melaksanakan tugas dengan ikhlas dan penuh kesempurnaan sebagai satu ibadah bagi mendapat keberkatan di samping menyumbang kepada budaya kerja dengan mementingkan keberhasilan yang mengagumkan.

31. InsyaAllah kita akan bersama-sama menjayakan usaha kita dalam membendung penularan wabak COVID-19 dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

32. Terima kasih diucapkan kepada penganjur majlis pada hari ini iaitu Bahagian Sokongan Teknikal (BST) dengan kerjasama Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Unit Komunikasi Korporat (UKK) dan warga kerja NM yang terlibat, di atas komitmen yang telah diberikan.

..STAY SAFE...STAY HEALTHY..

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah. Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.